

01/09/2000

Bukti perpaduan masih kukuh: Najib

SHAH ALAM, Khamis - Semangat yang ditunjukkan ketika acara sambutan dan perarakan Hari Kebangsaan ke-43 yang berlangsung hari ini, membuktikan perpaduan yang wujud antara pelbagai kaum masih kukuh.

Menteri Pertahanan, Datuk Seri Najib Tun Razak, berkata sambutan Hari Kebangsaan pertama alaf ini akan diingat generasi masa depan kerana turut disertai pemimpin parti pembangkang.

"Sikap ditunjukkan pemimpin pembangkang ini amat penting bagi meneruskan usaha membangunkan negara dengan mengetepikan perbezaan politik peribadi," katanya.

Menteri Besar Selangor, Dr Mohamad Khir Toyo bersyukur sambutan itu dapat dijayakan dengan sempurna dan berharap semangat berkenaan dapat dihayati generasi akan datang.

"Perkara penting selepas merdeka ialah memastikan perpaduan dan keharmonian rakyat pelbagai kaum dapat dikekalkan demi memajukan negeri masing-masing bagi meneruskan agenda pembangunan negara," katanya.

Menteri Penerangan, Tan Sri Khalil Yaakob pula berharap rakyat akan terus mengingati nasihat Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad supaya tidak menyemarakkan sentimen perkauman.

"Dalam masyarakat majmuk seperti Malaysia, kita perlu bersabar dan mengelak sebarang cubaan yang boleh mewujudkan ancaman antara satu sama lain," katanya.

Menteri Kerja Raya, Datuk Seri S Samy Vellu, berkata semangat itu membuktikan keutuhan perpaduan rakyat pelbagai kaum negara ini sukar digugat.

"Kita harus meningkatkan kerjasama serta perpaduan sesama kita bagi memastikan masyarakat hidup rukun damai dan dapat menumpukan perhatian kepada kemajuan negara," katanya.

"Semangat integrasi nasional yang dipaparkan hari ini perlu dijadikan pedoman untuk menjamin perpaduan yang dijalin selama ini terus terpelihara," katanya.

Timbalan Menteri Pertanian, Datuk Seri Mohd Shariff Omar, pula berkata keadaan itu menunjukkan kematangan rakyat pelbagai kaum di negara ini selepas 43 tahun mencapai kemerdekaan.

"Ini terbukti apabila timbul sebarang rasa tidak puas hati atau keraguan, rakyat negara ini memilih menyelesaikannya menerusi jalan rundingan, bukan cara yang boleh menimbulkan ketegangan," katanya.

(END)